

# Perpustakaan Kejuruteraan: Penyusunan Semula Bilik Bacaan di Fakulti Kejuruteraan

Andrew Lee\*

*Abstract: The Reading Room of the Faculty of Engineering was absorbed into the University of Malaya Library System in 1985. The Reading Room serves as a library to support primarily the study and research of the undergraduates of the Faculty of Engineering as well as the teaching requirements of the academic staff of the Faculty. The Engineering Library as it is now called is undergoing a complete overhaul of its organizational set-up so as to serve its users more effectively and efficiently. A team of librarians was formed to recommend changes. The present library officer is carrying out the recommendations and proposals of the team. The Library will focus on collecting materials related to local studies and at the same time provide basic services such as reader services, current awareness and interlibrary loans facilities to the Faculty. Its collection will also include British Standards, Malaysian Standards and related literature. The Library attempts to provide an efficient and effective service even though it is short of manpower. It will also look into the use of computers to better serve its users. With support from the Faculty, the University of Malaya Library and the Administration, the Library is beginning to play its role effectively.*

## Pendahuluan

Perpustakaan Kejuruteraan terletak di tingkat bawah Jabatan Kejuruteraan Awam di Fakulti Kejuruteraan. Perpustakaan ini telah wujud sebagai 'Bilik Bacaan Fakulti Kejuruteraan' dan diletakkan di bawah pengurusan Fakulti tersebut. 'Bilik Bacaan' sekarang dikenali sebagai 'Perpustakaan Kejuruteraan'.

Dalam tahun 1985 satu pasukan petugas terdiri daripada tiga orang kakitangan profesional perpustakaan Universiti Malaya yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pustakawan (Bibliografi dan Koleksi Khusus) telah menjalankan kajian menyusun semula Bilik Bacaan itu. Kajian-kajian ini dijalankan untuk mencadangkan cara-cara meninggikan mutu perkhidmatan Perpustakaan, khususnya kepada pelajar Fakulti Kejuruteraan. Satu laporan bertajuk "Susunan Semula Bilik Bacaan Fakulti Kejuruteraan: Satu Cadangan", dikeluarkan dan laporan ini telah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Perpustakaan Universiti Malaya dan pihak-pihak berkenaan Perpustakaan Universiti Malaya dan Fakulti Kejuruteraan. Satu naskhah laporan tersebut juga disimpan di Pejabat Kejuruteraan.

Perpustakaan Kejuruteraan sekarang dimasukkan dalam Sistem Perpustakaan Universiti Malaya dan kerja-kerja menyusun semula organisasi dan struktur Perpustakaan Kejuruteraan dimulakan pada bulan

November 1985 mengikut cadangan dan garis panduan laporan tersebut.

Walaupun ia tidak merupakan sebuah perpustakaan khusus seperti Perpustakaan Undang-undang dalam Sistem Perpustakaan Universiti Malaya, ia cuba membina sebuah koleksi dan perkhidmatan pengkhususan dalam bidang kejuruteraan. Perpustakaan ini memberikan perkhidmatan khususnya kepada seramai 50 orang kakitangan akademik dan sejumlah 800 orang mahasiswa/mahasiswi Fakulti Kejuruteraan yang terdiri daripada 4 Jabatan seperti berikut:

- (a) Jabatan Kejuruteraan Awam
- (b) Jabatan Kejuruteraan Letrik
- (c) Jabatan Kejuruteraan Mekanik
- (d) Jabatan Kejuruteraan Kimia.

Perpustakaan Kejuruteraan juga dibuka kepada semua kakitangan akademik Universiti Malaya.

## Susunan Organisasi dan Struktur Perpustakaan

Kerja-kerja dan susunan fizikal dijalankan oleh kakitangan Perpustakaan Kejuruteraan. Bilik kakitangan dijadikan Pejabat Perpustakaan dimana kerja-kerja teknikal dan pentadbiran dijalankan. Bilik-bilik lain dijadikan bilik simpanan bahan piawaian dan latihan ilmiah. Dewan dijadikan tempat menyimpan buku-buku teks, bahan-bahan teknikal dan majalah.

Semua bahan-bahan disusun semula dan Persatuan

\*Pegawai Perpustakaan, Perpustakaan Kejuruteraan, Universiti Malaya.

Kejuruteraan telah menolong memindahkan buku-buku dan latihan ilmiah ke tempat yang disediakan. Kawasan Perpustakaan telah dicat semula dan Perpustakaan mula memberi perkhidmatan pada 20 November 1985 setelah ditutup selama satu tahun. Waktu pembukaan adalah seperti yang diberikan di mukasurat 'Jadual Waktu Pembukaan' keluaran ini. Buat masa ini, Perpustakaan ditutup pada waktu makan sehingga tenaga kakitangan mencukupi. Semasa peperiksaan akhir tahun lalu, perpustakaan telah dibuka pada waktu makan tengahari.

Beberapa perubahan lain disediakan untuk memberi keselesaan kepada kakitangannya untuk menjalankan tugas-tugas mereka dan juga untuk pengguna-pengguna perpustakaan. Kaunter perkhidmatan dipindah dan diubahsuai dan sepasang 'turnstile' dipasang untuk mengawal keselamatan koleksi perpustakaan. Seorang penyemak perpustakaan ditempatkan di turnstile keluar sahaja. Dengan adanya kawalan ini, almari kaca berkunci yang masih digunakan tidak berkunci lagi. Ini akan memudahkan rujukan kepada bahan-bahan di perpustakaan.

Perpustakaan ada rancangan untuk menggantikan almari kaca berkunci kepada rak-rak buku yang sesuai apabila peruntukan membenarkan, sebab almari kaca berkunci tersebut hanya boleh menyimpan bahan-bahan yang tingginya kurang dari 25 cm.

Rak-rak besi untuk buku-buku telah pun dipasang.

### **Pentadbiran**

Pentadbiran perpustakaan ini terletak di bawah Perpustakaan Utama dan di bawah penyeliaan Timbalan Ketua Pustakawan (Bibliografi dan Koleksi Khusus). Sebuah Jawatankuasa Perpustakaan Fakulti Kejuruteraan diwujudkan untuk mengeratkan kerjasama di antara fakulti dan perpustakaan. Pegawai Perpustakaan dari Perpustakaan Kejuruteraan menjadi setiausaha dalam Jawatankuasa ini dan semua cadangan-cadangan, permintaan-permintaan dan sebagainya dari pihak Fakulti akan disampaikan kepada pihak Perpustakaan Utama melalui Pegawai Perpustakaan untuk tindakan sewajarnya.

Kerjasama di antara Jawatankuasa Perpustakaan Fakulti Kejuruteraan dan Perpustakaan akan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna-penggunanya.

### **Kakitangan**

Buat masa ini tiga orang kakitangan bertugas mengendalikan Perpustakaan Kejuruteraan. Mereka terdiri daripada seorang kakitangan ikhtisas, seorang kerani dan seorang penyemak. Jawatan jurutaip dan atendan belum diisi. Kakitangan ikhtisas bertanggungjawab

atas segala urusan perpustakaan seperti pemilihan bahan-bahan perpustakaan, mengkelas dan mengkatalog bahan-bahan dan memberi perkhidmatan pembaca kepada pengguna.

### **Koleksi dan Perkhidmatan**

Perpustakaan Kejuruteraan menyimpan bahan-bahan khusus dalam bidang kejuruteraan. Bahan-bahan dalam koleksi dahulu disusun semula. Kerja-kerja mengkelas dan mengkatalog bahan-bahan ini sedang dijalankan dan proses ini akan mengambil masa memandangkan hanya seorang kakitangan ikhtisas menjalankan eksekusi ini. Walau bagaimanapun, pengguna-pengguna yang ingin merujuk kepada bahan masih boleh berbuat demikian. Semasa penyusunan ini berjalan, hak pinjaman adalah terhad untuk koleksi dan pengguna tertentu seperti yang disebutkan di bawah ini.

*Koleksi am:* koleksi am ini berjumlah sebanyak 1,000 naskhah. Koleksi ini mengandungi buku-buku teks bagi keempat-empat jurusan bidang kejuruteraan yang diajar di Fakulti Kejuruteraan. Buku-buku khusus seperti 'Handbooks', 'Manuals' dan laporan teknikal juga ditempatkan dalam koleksi ini. Buku-buku am ini sedang dikatalog semula. Sistem dan susunan lama digantikan dengan sistem seperti yang digunakan di Perpustakaan Utama. Perpustakaan akan cuba menyimpan bahan-bahan paten dan sebagainya yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan.

*Latihan ilmiah:* latihan ilmiah yang diterima dari keempat-empat Jabatan disimpan dalam sebuah bilik khas. Latihan ilmiah juga diproses semula dan senarai baru mengikut nama, jabatan dan tahun sedang dibuat. Sebanyak 13 senarai telah siap diproses.

*Piawaian:* piawaian dari British Standards Institution atau 'British Standards' dilanggan oleh Perpustakaan Utama dan disimpan di Perpustakaan Kejuruteraan. Koleksi piawaian disimpan di Bilik Piawaian. 'British Standards' telah dikeluarkan dari fail lama dan sekarang disimpan dalam kotak risalah. Piawaian yang tidak digunakan disimpan berasingan. Kerja menyemak tiap-tiap piawaian tersebut telah dijalankan dan semua pindaan-pindaan dimasukkan dalam piawaian tertentu. Perpustakaan sedang berusaha menggantikan piawaian-piawaian yang tidak dapat dikesan. Usaha juga dibuat untuk menyimpan piawaian tempatan atau 'Malaysian Standards' (MS) keluaran Institut Piawaian dan Penyelidikan Malaysia atau 'SIRIM' di Perpustakaan Kejuruteraan.

*Majalah/Makalah:* bahan-bahan majalah/makalah disimpan di rak majalah di dewan perpustakaan.

Sebahagian besar majalah yang diterima oleh Perpustakaan dari Pejabat Dekan Fakulti atau secara terus adalah merupakan naskhah hadiah. Perpustakaan tidak melanggan majalah-majalah teknikal dan semua tajuk majalah teknikal/kejuruteraan yang dilanggan oleh Perpustakaan Utama disimpan di Bahagian Majalah Bersiri atau di Koleksi Majalah Berjilid yang terletak di Bangunan Institut Pengajian Tinggi (IPT).

*Koleksi pandang dengar dan mikroform*: perpustakaan menyimpan beberapa gulung filem (16mm) dan filemstrip berkaitan dengan bidang kejuruteraan. Filem 16mm ini boleh dipinjam oleh kakitangan akademik sahaja, sedangkan filemstrip boleh dipinjam oleh pelajar-pelajar Fakulti untuk kegunaan di Perpustakaan sahaja. Senarai bagi bahan-bahan ini sedang disediakan. Perpustakaan akan membina koleksi mikroform dan salinan mikrofis bagi koleksi latihan ilmiahnya akan dibuat apabila keadaan membenarkan. Alat-alat membaca mikroform akan dibeli untuk maksud ini.

#### **Katalog**

Sistem mengkelas dan mengkatalog bahan-bahan di Perpustakaan mengikut sistem yang digunakan di Perpustakaan Utama iaitu 'Library of Congress Classification System' dan 'Anglo-American Cataloguing Rules. 2nd ed. (AACR2)'

Pelbagai bentuk katalog disediakan untuk merujuk kepada koleksi perpustakaan.

Katalog berbentuk kad digunakan untuk Koleksi Am. Katalog pengarang/tajuk juga disediakan. Kad katalog ini disimpan buat sementara di Pejabat.

Untuk Koleksi Latihan Ilmiah satu senarai mengikut Jabatan dan tahun disusun mengikut pengarang. Senarai ini disimpan di Bilik Latihan Ilmiah dan di Pejabat.

Piawaian disusun mengikut nombor piawaian yang diberikan oleh institusi yang mengeluarkannya. Katalog keluaran institusi berkenaan disimpan di Bilik Piawaian dan di dewan.

Katalog kad indeks 'Geodex Retrieval System' dilanggan oleh Perpustakaan untuk kegunaan Fakulti Kejuruteraan. Pengguna diajar tentang cara-cara menggunakan sistem indeks 'peek-a-boo' ini.

Bagi majalah/makalah, satu senarai sementara disediakan mengikut pengarang dan tajuk. Senarai ini disimpan di Pejabat.

#### **Peraturan Pinjaman**

Pada amnya, peraturan pinjaman dan peraturan am adalah sama seperti peraturan yang diamalkan oleh Perpustakaan Utama.

Peraturan am dan Peraturan pinjaman sedang

diberi pertimbangan oleh pihak Fakulti dan Perpustakaan pada masa artikel ini ditulis. Peraturan-peraturan ini akan dilaksanakan selepas ianya diterima oleh pihak-pihak berkenaan. Buat sementara ini hak pinjaman dibenarkan kepada kakitangan akademik Fakulti sahaja dan semua hak pinjaman kepada penuntut Fakulti ditangguhkan sehingga peraturan-peraturan disediakan. Walau bagaimanapun, pengguna-pengguna yang ingin merujuk koleksi-koleksi perpustakaan dibenarkan berbuat demikian.

Perkhidmatan yang diberikan adalah seperti berikut:—

- a. Perkhidmatan maklumat semasa seperti perkhidmatan kandungan muka surat majalah kejuruteraan terkini yang disimpan di Perpustakaan Utama, maklumat mengenai piawaian baru dan terbitan baru dalam bidang kejuruteraan,
- b. Perkhidmatan pembaca seperti pencarian maklumat atau 'information searches' kepada para akademik dan pelajar Fakulti Kejuruteraan dan juga penyediaan senarai bibliografi khususnya kepada penuntut ijazah tinggi Fakulti,
- c. Pinjaman antara perpustakaan.

Semua maklumat baru yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan diedarkan kepada kakitangan akademik Fakulti Kejuruteraan melalui senarai perolehan yang dihantarkan kepada tiap-tiap Ketua Jabatan dan juga kepada Pemangku Dekan.

Ceramah pendek dan latihan amali dirancangan untuk pelajar-pelajar Fakulti Kejuruteraan pada permulaan Semester akan datang. Latihan seperti ini akan menolong pelajar-pelajar tentang cara-cara mencari maklumat dan cara-cara menggunakan perpustakaan dengan lebih berkesan sepanjang pengajian mereka di Universiti ini. Jenis rancangan ini akan diberikan khusus kepada pelajar tahun pertama dan mereka yang menyediakan latihan ilmiah.

#### **Penggunaan Komputer**

Perpustakaan Kejuruteraan akan berusaha menggunakan komputer dalam beberapa operasi/perkhidmatan perpustakanya. Ini memandangkan bahawa Fakulti Kejuruteraan telah memiliki sistem 'minicomputer' serta beberapa komputer jenis mikro untuk pengajaran, pentadbiran dan penyelidikannya. Penggunaan sistem komputer ini dapat meningkatkan mutu perkhidmatan Perpustakaan kepada pengguna-penggunanya. Kerja-kerja dan perkhidmatan yang akan diberi keutamaan ialah katalog dan beberapa senarai yang khusus untuk koleksi Perpustakaan ini. Dalam hal ini Perpustakaan Kejuruteraan akan bekerjasama rapat dengan Fakulti Kejuruteraan untuk melaksanakan penggunaan komputer dalam operasi dan perkhidmatan Perpustakaan Kejuruteraan.

## Penutup

Oleh kerana desakan faktor-faktor seperti peruntukan kewangan, ruang, tenaga pekerja dan keperluan maklumat tertentu, ciri pengkhususan Perpustakaan mesti diberi pertimbangan dengan sewajarnya agar tidak timbul pembaziran. Perpustakaan Kejuruteraan akan menumpukan dan mengumpulkan satu koleksi yang berdasarkan isu-isu dan masalah-masalah kejuruteraan, khususnya yang berkaitan dengan Malaysia.

Koleksinya akan mengandungi bahan-bahan tempatan di mana ia dapat memenuhi keperluan maklumat pelajar-pelajar serta para akademik Fakulti khususnya dan para penyelidik Universiti Malaya pada amnya. Diharapkan pelajar-pelajar Fakulti Kejuruteraan yang memerlukan maklumat atau bantuan semasa pengajian mereka, bolehlah datang berjumpa dengan kakitangan ikhtisas atau kakitangan am di Perpustakaan Kejuruteraan.